

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 22 MAC 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
PAUTAN : <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/03/1080293/malaysia-belum-sedia-laksana-pendapatan-asas-sejagat>

### **Malaysia belum sedia laksana pendapatan asas sejagat**



Rafizi pada Majlis Perjumpaan Menteri Ekonomi bersama warga kementerian di Putrajaya, hari ini - Foto BERNAMA

PUTRAJAYA: Kerajaan perlu mengukuhkan kedudukan fiskal dan menyatukan bantuan tunai sedia ada sebelum memutuskan untuk melaksanakan inisiatif pendapatan asas sejagat.

Pendapatan asas sejagat adalah program kerajaan yang mana wang sara hidup asas atau pendapatan tahunan terjamin disediakan membabitkan pendapatan tertentu kepada semua individu secara berkala tanpa perlu ujian saraan atau syarat pekerjaan.

Pelaksanaannya masih dibincangkan kebanyakan negara dengan matlamat untuk mengurangkan kemiskinan dan menggantikan program sosial berdasarkan keperluan lain yang berpotensi memerlukan pembabitan birokrasi yang lebih besar.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata jurang masih besar untuk negara sampai ke peringkat melaksanakan pendapatan asas sejagat.

Beliau berkata, pelaksanaan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) ketika ini bukan inisiatif untuk menggantikan pelaksanaan pendapatan asas sejagat.

Sebaliknya, beliau berkata, IPR adalah inisiatif berbeza yang mempunyai sasaran khusus untuk membolehkan golongan berpendapatan paling rendah di negara ini mempunyai aliran pendapatan yang mampan dan pada masa sama memperbaiki isu struktural seperti bekalan makanan.

Manakala, pendapatan asas sejagat pula, jelasnya adalah satu inisiatif yang berbeza kerana ia sangat bergantung kepada kedudukan fiskal kerajaan.

"Sebaik-baiknya kita mahu menyatukan seberapa banyak sistem bantuan tunai yang terpisah-pisah kita ada, tetapi (ia) perlu melalui langkah demi langkah.

"Sepanjang proses itu membolehkan kita menilai dengan lebih baik sama ada kita mahu menggunakan pendekatan pendapatan asas sejagat kerana jurang masih besar untuk sampai ke situ (laksana pendapatan asas sejagat)," katanya kepada media selepas Majlis Perjumpaan Menteri Ekonomi bersama warga kementerian di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas sama ada IPR adalah inisiatif gantian bagi pelaksanaan pendapatan asas sejagat.

Rafizi menegaskan fokus kerajaan adalah mengukuhkan kedudukan fiskal terlebih dulu, yang mana ia penting bagi negara.

Beliau berkata, dengan kedudukan fiskal yang kukuh membolehkan kerajaan melaksanakan program bantuan kepada rakyat.

Sementara itu, dalam ucapannya pada Majlis Perjumpaan Menteri Ekonomi bersama warga kementerian itu, Rafizi berkata, dalam beberapa bulan ini, kementerian akan menumpukan usaha mempercepatkan pelaksanaan ekonomi digital, peralihan tenaga serta kebolehpasaraan pekerjaan membabitkan golongan muda di negara ini.

Beliau berkata, kementeriannya juga bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan melancarkan program inovasi dalam beberapa minggu lagi.

Katanya, program inovasi yang akan dilancarkan itu bertujuan untuk mengarusperdanakan inovasi di negara ini.